

03 JAN 2003

PERAK-PELABURAN/I

PERAK SASAR PELABURAN SWASTA TERBESAR TAHUN INI

Oleh: Arul Rajoo

IPOH, 3 Jan (Bernama) -- Perak mensasarkan pelaburan swasta terbesar pernah diperolehinya dengan pelaksanaan pembangunan loji peleburan aluminium bernilai RM7.5 bilion, kilang Proton City bernilai RM3 bilion dan dua kampus universiti pada tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Negeri Datuk Ramly Zahari, berkata loji aluminium dan kilang Proton itu dijadualkan mula beroperasi pada Jun depan.

Majlis pecah tanah bagi kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kampar dijadualkan pada 12 Jan manakala pembinaan kampus utama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berdekatan Proton City yang boleh menampung lebih 20,000 pelajar sedang dijalankan.

Ramly berkata kesemua projek itu termasuklah projek landasan berkembar antara Rawang dan Ipoh dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2004 dan akan menawarkan beribu-ribu peluang pekerjaan serta kesan sampingan kepada industri kecil dan sederhana.

"Kami mensasarkan pelaburan langsung asing RM10 bilion menjelang 2005 dan dengan loji aluminium itu sahaja kami akan menerima 70 peratus daripada sasaran kami," katanya di sini, hari ini.

Ramly berkata pembinaan loji itu tertanggung selama dua tahun kerana syarikat yang terlibat tidak mendapat tarif elektrik khas bagi 9.5 sen seunit kerana Tenaga Nasional Berhad menawarkan 15 sen seunit.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu lalu telah memberikan kebenaran kepada pelabur-pelabur itu untuk membina sebuah loji kuasa dengan kapasiti tenaga 900 MW.

Loji aluminium itu yang terbesar di rantau ini akan mempunyai pengeluaran tahunan sebanyak satu juta tan metrik.

Beliau berkata loji itu akan ditempatkan di kawasan seluas 136 hektar berdekatan Pelabuhan Lumut di mana sebuah bandar baru juga akan dimajukan dan kedua-dua projek itu dijangka menawarkan kira-kira 10,000 peluang pekerjaan.

Projek loji aluminium itu akan diusahakan oleh Masco Aluminium Sdn Bhd, sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Charus Development Co, syarikat usaha sama antara syarikat-syarikat AS, China dan Jerman yang berpangkalan di New York.

Projek Proton City itu dipulihkan semula tahun lalu selepas ditangguhkan pada 1997 berikutan krisis ekonomi dan dijangka memulakan pengeluaran Jun tahun ini dengan pengeluaran awal sebanyak 250,000 kereta setahun.

Projek itu akan dimajukan dalam empat fasa di mana sebuah bandar baru yang besar, kawasan bagi pengeluar bahagian-bahagian kereta, litar pandu uji dan pusat konvensyen bersama dengan sebuah hotel juga turut dirancang.

Selain itu, Ramly berkata Kerajaan Negeri juga memberikan kawasan seluas 320 hektar (800 ekar) di Chepor dekat sini kepada TNB untuk membina sebuah bandar baru dilengkapi dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di mana jumlah pelaburannya dijangka mencecah RM2 bilion.

Sebuah taman botani negara juga dirancang dibina di kawasan seluas 809 hektar di Ulu Slim, yang mempunyai konsep yang sama dengan Butchart Garden di Kanada dan ini dijangka dapat merangsang sektor pelancongan, kata Ramly.

Beliau berkata Perak juga akan terus menarik pelaburan langsung asing (FDI) menerusi pelbagai rombongan perdagangan ke luar negara dan tahun ini mereka akan menumpukan ke China, Jepun, India dan Timur Tengah.

Tahun lalu, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali melawat ke tiga negeri di India dan memperolehi pelaburan sejumlah RM234 juta.

Pada 2001, Perak berjaya menarik pelaburan bernilai RM857.6 juta.

"Kami yakin Perak akan mencatatkan lonjakan ekonomi sebaik sahaja semua projek industri pembuatan, pendidikan dan pelancongan ini dilaksanakan," kata Ramly. -- BERNAMA

AR FR ZK